

Pinjam buku di Universiti Oxford 'terbuka'

Sinar 19/6/12 M10

Sastera
dot
com

LAMAN sesawang The Telegraph di alamat www.telegraph.co.uk menyorot tindakan Perpustakaan Bodleian di Universiti Oxford yang bercadang membenarkan koleksi bukunya dipinjamkan kepada orang ramai.

Sejak 410 tahun lalu perpustakaan yang menyimpan pelbagai bahan rujukan termasuk yang jarang didapati itu meletakkan syarat supaya penggunaanya menandatangani perjanjian untuk tidak mengalihkannya sebarang buku dari perpustakaan terbabit.

Laman sesawang itu melaporkan cadangan terbabit menyebabkan timbulnya kebimbangan dalam kalangan penyelidik dan ahli akademik yang berpendapat cadangan terbabit jika dilaksanakan akan memberi pelbagai kesan buruk.

tersedia untuk mereka," beliau dilaporkan berkata demikian dalam laman sesawang terbabit.

Naib Presiden Kesatuan Pelajar Universiti Oxford, Jim O'Connell, bagaimanapun dilaporkan laman sesawang terbabit, mempertahankan cadangan berkenaan dengan mengatakan pihak perpustakaan dan kurator tiada cadangan memberi pinjaman itu kepada semua pihak.

Jurucakap Perpustakaan Bodleian pula dilaporkan laman sesawang terbabit berkata, pihak perpustakaan menggalakkan perbincangan diadakan mengenai dasar yang sedang digunakan pada ketika ini.


"Pihak perpustakaan akan berbincang dengan pengurusan universiti mengenai kemungkinan bagi melaksanakan peminjaman. Kami berharap perbincangan dapat dilakukan mengenai isu terbabit, sebagai sebahagian daripada semakan dasar yang normal," beliau dilaporkan berkata demikian dalam laman sesawang terbabit.

Perubahan itu dicadangkan apabila perpustakaan dari Fakulti Sejarah berpindah ke Perpustakaan Bodleian dan universiti terbabit bercadang untuk menggunakan penggabungan itu bagi mengubah peraturan berkaitan peminjaman.

Cadangan itu juga dilaporkan menambah kemarahan sesetengah pihak yang sebelum ini sudah pun menganggap penggabungan hanya akan menyebabkan Perpustakaan Bodleian menjadi semakin sesak.

Tutor Bahasa Inggeris di New College, Dr William Poole dipetik berkata dalam laman sesawang terbabit bahawa cadangan itu akan memberi kesan buruk terutama kepada pelajar yang membuat penyelidikan.

“Adakah berbaloi untuk bertanya bagaimana kita mencadangkan untuk mengenakan bayaran RM54,000 (STG9,000) setahun untuk memberi pinjaman buku kepada sesiapa saja yang boleh mengakibatkan pelajar tidak dapat membaca apa yang sepatutnya



Perpustakaan Bodleian yang juga salah satu perpustakaan tertua di Eropah dan kedua terbesar di negara berkenaan ketika ini menjadi perpustakaan kajian utama di Universiti Oxford, manakala antara buku dalam koleksinya ialah First Folio oleh William Shakespeare dan Gutenberg Bible, buku pertama dihasilkan dengan mesin cetak, selain manuskrip lain yang jarang ditemui.

